

daripadaku kecuali dengan hak Islam. Soal hati mereka, itu terserah kepada Allah.”¹⁰⁵ (Bukhari-Muslim).¹⁰⁶ Tetapi Muslim tidak ada menyebutkan “kecuali dengan hak Islam”.

Siapakah Muslim (Orang Islam)?

١١- وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا وَاسْتَقْبَلَ قِبْلَتَنَا وَأَكَلَ ذَيْبِحَتَنَا

فَذَلِكَ الْمُسْلِمُ الَّذِي لَهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَذِمَّةُ رَسُولِهِ فَلَا تُخْفَرُوا اللَّهَ فِي ذِمَّتِهِ - رواه البخاري.

11- Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: “Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa bersembahyang seperti kita,¹⁰⁷ menghadap ke arah qiblat kita (ketika bersembahyang

Allah, melainkan dengan (ia melakukan) salah satu daripada tiga perkara ini: Pertama, Membunuh orang. Kedua, Berzina padahal telah Muhsan. Dan ketiga: Keluar agama dengan meninggalkan jama'ah. (Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lain). Hadits ini menyebutkan hanya ada tiga keadaan di mana seseorang muslim itu halal dibunuh. Tidak termasuk di dalamnya orang yang meninggalkan sembahyang.

¹⁰⁵ Maksudnya ialah kita diperintah berurusan dengan seseorang berdasarkan zahirnya. Jika zahirnya Islam, dia akan kita layan sebagai orang Islam dan jika zahirnya bukan Islam, maka kita akan melayaninya sebagai bukan Islam. Biar bagaimana sekalipun batin seseorang yang anda hadapi, itu tidak perlu diambil kisah. Soal batin dan hati, itu terserah kepada Allah jua. **Antara pengajaran yang dapat diambil** daripada hadits ini ialah: (1) Mengucap dua kalimah syahadah merupakan syarat untuk diterima seseorang sebagai muslim. (2) Orang-orang yang meninggalkan sembahyang dan zakat harus diperangi. (3) Islam melindungi nyawa, harta benda dan kehormatan penganut-penganutnya. (4) Segala hukum-hakam berlaku berdasarkan zahir. Soal hati terserah kepada Allah jua. (5) Orang-orang yang telah mengucap dua kalimah syahadah, bersembahyang dan memberi zakat tetap terikat dengan hukum-hakam Islam yang lain. (6) Besarnya kedudukan sembahyang dan zakat dalam agama Islam. Sembahyang merupakan ibadat badaniyyah (yang berkaitan dengan badan) dan zakat merupakan ibadat maliyyah (yang berkaitan dengan harta). (7) Mengucap dua kalimah syahadah dengan penuh yakin sudah memadai untuk seseorang itu masuk ke dalam agama Islam. Tidak wajib atasnya mempelajari dalil-dalil mutakallimin untuk mengenal Allah.

¹⁰⁶ Selain Bukhari dan Muslim, hadits ini turut diriwayatkan juga oleh Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lain.

¹⁰⁷ Orang yang bersembahyang seperti kita tentunya orang yang menerima ketauhidan Allah dan kenabian Muhammad s.a.w. Apabila seseorang itu menerima kenabian Muhammad, bererti dia menerima segala apa yang dibawa Baginda s.a.w. daripada Allah s.w.t. Kerana itulah sembahyang dijadikan tanda keislamannya. Ucapan dua kalimah syahadah tidak disebut oleh Nabi s.a.w. di dalam hadits ini kerana ia sudahpun ada di dalam sembahyang. Kalimah ini juga tidak sentiasa disebut seseorang dengan suara yang keras. Pendek kata ia suatu yang tidak ketara kepada umum. Berbeda dengan sembahyang kerana pada hari pertama pertemuan anda dengan seseorang lagi dapat anda menyaksikan sama ada ia bersembahyang atau tidak.

dan lain-lain)¹⁰⁸ dan memakan sembelihan kita,¹⁰⁹ itulah dia muslim (orang Islam) yang mendapat jaminan perlindungan (daripada) Allah dan RasulNya.¹¹⁰ Oleh itu, janganlah kamu mencero bohi orang yang dijamin Allah (berada) dalam perlindunganNya.”¹¹¹ (Bukhari).¹¹²

¹⁰⁸ Sebabnya disebut secara khusus “menghadap ke arah qiblat kita (ketika bersembahyang dan lain-lain)”, padahal menghadap qiblat itu merupakan syarat untuk sahnya sembahyang ialah kerana dua perkara berikut: (1) Qiblat lebih diketahui orang berbanding sembahyang. Boleh dikatakan semua orang tahu qiblatnya, tetapi tidak semua tahu sembahyangnya. (2) Sebahagian daripada amalan yang terdapat di dalam sembahyang kita, terdapat juga di dalam sembahyang orang-orang bukan Islam. Seperti qiam (berdiri), membaca bacaan-bacaan tertentu dan lain-lain. Tetapi menjadikan Ka`bah (Baitillah / al-Masjidil Haram) sebagai qiblat ketika bersembahyang, itu khusus dengan orang-orang Islam sahaja.

¹⁰⁹ Setelah menyebutkan ibadat yang membezakan orang Islam daripada bukan Islam, Nabi s.a.w. menyebutkan pula perkara adat dan juga ibadat yang membezakan orang Islam daripada bukan Islam dengan sabdanya: “dan memakan sembelihan kita”. Tidak memakan sembelihan orang yang berbeza fahaman dan `aqidah merupakan suatu realiti yang diterima semua masyarakat dan semua penganut agama di dunia ini. Apabila seseorang dengan selesa memakan sembelihan orang Islam, ia secara tidak langsung menunjukkan keislamannya. Sesetengah `ulama' berpendapat, sebabnya Nabi s.a.w. menyebutkan secara khusus tiga perkara ini di dalam hadits di atas, padahal terdapat banyak lagi rukun-rukun dan ajaran-ajaran agama Islam yang lain ialah kerana ia paling nyata, besar dan mudah dikesan. Pada hari pertama pertemuan anda dengan seseorang lagi dapat anda ketahui sama ada dia bershalat atau tidak dan apakah pula yang dimakannya. Berbeza dengan puasa misalnya, kerana tidak ada perbezaan di antara orang Islam dan bukan Islam ketika kedua-dua mereka tidak makan atau minum sesuatu. Demikian juga dengan haji. Mungkin selepas beberapa bulan, malah beberapa tahun anda bersama seseorang, baru anda dapat melihatnya pergi mengerjakan haji. Dalam keadaan tidak cukup syarat pula, anda mungkin tidak dapat menyaksikan dia pergi mengerjakan haji sampai mati.

¹¹⁰ Apa yang dimaksudkan dengan ذمة رسول الله dan ذمة الله ialah jaminan perlindungan daripada Allah dan RasulNya untuk orang-orang Islam, menerusi ajaran agama Islam yang melarang setiap penganutnya mencero boh darah (diri), harta benda dan kehormatan sesama mereka. Ia juga bererti janji Allah dan RasulNya dengan setiap muslim (orang Islam) agar mengaman damaikan kehidupan muslim yang lain. Dengan itu terselamatlah mereka daripada dibunuh, diperangi dan dicerobohi harta benda, nyawa serta maruahny oleh muslim yang lain.

¹¹¹ Larangan Rasulullah s.a.w. ini boleh juga diterjemahkan dengan: Oleh itu janganlah kamu mengkhianati / membatalkan jaminan dan janji Allah itu. Maksudnya ialah apabila seseorang menyatakan dirinya sebagai orang Islam dengan mengamalkan syi`ar agama Islam, bererti ia telah pun berada dalam jaminan perlindungan Allah. Maka tidak harus lagi nyawa, harta benda dan kehormatannya dicerobohi. Mencero bohinya bererti mencero boh jaminan perlindungan Allah. Mencero bohinya juga bererti mengkhianati dan membatalkan janji Allah. Hadits ini juga sama seperti hadits sebelumnya daripada segi menganjurkan umat Islam agar berurusan dengan seseorang berdasarkan zahirnya. Jika zahirnya Islam, dia harus dilayan sebagai orang Islam dan jika zahirnya bukan Islam, maka ia akan dilayani sebagai bukan Islam. **Antara pengajaran, pedoman dan panduan yang telah disimpulkan oleh para `ulama' daripada hadits ini ialah:** (1) Kelebihan dan keistimewaan sembahyang. Ia merupakan salah satu syi`ar

Amalan-Amalan Yang Membawa Seseorang Ke Syurga

١٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَتَى أَعْرَابِي النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ذُلِّي عَلَى عَمَلٍ إِذَا عَمِلْتُهُ دَخَلْتُ الْجَنَّةَ قَالَ تَعْبُدُ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَتَقِيمُ الصَّلَاةَ الْمَكْتُوبَةَ وَتُؤَدِّي الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ قَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا أُزِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْقُصُ مِنْهُ فَلَمَّا وُلِيَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى رَجُلٍ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَلْيَنْظُرْ إِلَيَّ هَذَا - متفق عليه.

Islam yang paling utama. (2) Kelebihan dan keistimewaan qiblat (Baitillah / al-Masjidil Haram). Menghadap ke arah qiblat ketika bersembahyang adalah salah satu syarat untuk sahnya sembahyang seseorang, kecuali dalam keadaan khauf (terancam oleh musuh dan lain-lain ancaman). Menghadap qiblat juga merupakan salah satu syi'ar agama Islam yang utama. (3) Memakan sembelihan orang Islam juga merupakan salah satu tanda yang menunjukkan keislaman seseorang. Ini kerana terdapat ramai sekali bukan Islam, sama ada dari kalangan Ahlil Kitab atau penganut-penganut agama yang lain tidak memakan sembelihan orang-orang Islam. (4) Umat Islam dianjurkan supaya melayanai manusia berdasarkan zahirnya. Jika zahirnya Islam, ia akan dilayan sebagai Islam. Dan jika zahirnya bukan Islam, ia akan dilayan sebagai bukan Islam. (5) Petunjuk-petunjuk zahir seperti yang tersebut di dalam hadits di atas itulah seharusnya dijadikan pedoman. Umat Islam tidak dibenarkan mengintip, menyelidik dan mencungkil rahsia seseorang untuk mengetahui keislamannya, kecuali terdapat petanda-petanda yang sangat meragukan dan boleh mengancam kewujudan dan kesejahteraan ummah. (6) Setiap orang Islam terikat dengan perjanjiannya dengan Allah dan RasulNya untuk tidak mengganggu-gugat dan mencero bohi darah (diri), harta benda dan kehormatan sesama saudara muslim. (7) Mencero bohi mana-mana satu daripadanya bererti mencero bohi jaminan perlindungan Allah dan membatalkan perjanjian yang sedia terjalin di antaranya dengan Allah dan Rasul. (8) Membatalkan perjanjian yang sedia terjalin dengan Allah dan RasulNya adalah dosa besar. Mencero bohi jaminan perlindungan Allah dan RasulNya dengan menumpahkan darah orang Islam, mengambil harta bendanya tanpa hak dan mencemarkan nama baiknya juga merupakan dosa besar. (9) Ahlul Qiblah yang tersasul sedikit sebanyak 'aqidahnyanya daripada 'aqidah Ahlil Haq (Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah) kerana tersalah dalam menta'wilkan maksud sebenar al-Qur'an dan al-Hadits, seperti sesetengah golongan Mu'tazilah, Khawarij dan lain-lain tidak boleh dihukum kafir, jika ia masih menerima ajaran dan hukum Islam secara keseluruhannya. Alasannya ialah kerana kesalahan mereka itu berpunca daripada salah faham dan salah ta'wilan semata-mata, bukan kerana mereka menolak dan mengingkarinya.

¹¹² Selain Bukhari, hadits ini turut diriwayatkan oleh an-Nasaa'i, al-Baihaqi dan at-Thabaraani. Abu Daud, at-Tirmizi dan lain-lain juga ada meriwayatkan hadits-hadits yang sama ma'nanya dengan hadits ini.